



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

SELARAS DENGAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
BERMULA 18 MAC 2020 SEHINGGA 14 APRIL 2020

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah platform informasi yang boleh diakses berkenaan pengumuman terkini SPP selain laman sesawang rasmi (www.spp.gov.my) sepanjang tempoh PKP?	<p>Pengumuman dan maklumat terkini juga boleh diakses melalui platform media sosial rasmi SPP seperti berikut:</p> <p>a) Facebook : https://www.facebook.com/suruhanjaya-perkhidmatan-pelajaran-121787041228662/</p> <p>b) Twitter : https://twitter.com/sppmy</p> <p>c) Instagram : https://www.instagram.com/sppmy/</p>
2.	Adakah Kaunter Khidmat Pelanggan dan talian Pusat Panggilan SPP beroperasi sepanjang tempoh PKP?	Kaunter Khidmat Pelanggan dan talian Pusat Panggilan SPP tidak akan beroperasi kerana penangguhan operasi sehingga 14 April 2020 atau sehingga tempoh PKP tamat. Sebarang pengumuman dan maklumat terkini boleh disemak melalui laman sesawang rasmi dan semua platform media sosial rasmi SPP.
3.	Setelah pemohon mengisi permohonan jawatan menerusi Portal Jobs Malaysia, kenapa tarikh kemas kini di Portal Semakan SPP tidak terkini?	Semua permohonan jawatan yang dipohon menerusi Portal Jobs Malaysia akan dihantar ke SPP dalam tempoh satu (1) hingga tiga (3) hari bekerja. Namun begitu, maklumat tersebut hanya dapat disahkan permohonan selepas 14 April 2020 atau sehingga tempoh PKP tamat.
4.	Adakah urusan atas talian melalui Sistem ePROPER boleh dilaksanakan sepanjang tempoh PKP?	Semua urusan menerusi Sistem ePROPER beroperasi seperti biasa. Namun begitu semua urusan akan diproses selepas 14 April 2020 atau sehingga tempoh PKP tamat.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
5.	Adakah tarikh pelanjutan tempoh percubaan (PTP), pengesahan dalam perkhidmatan (PDP) dan pemberian taraf berpencen (PTB) akan terjejas berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan?	<p>Untuk makluman, penetapan tarikh urusan perkhidmatan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pelanjutan Tempoh Percubaan (PTP) Sehari selepas tamat tempoh percubaan asal atau yang dilanjutkan selama tempoh tidak melebihi 12 bulan, atau lebih jika difikirkan perlu oleh Suruhanjaya. ii. Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP) Sehari selepas pegawai memenuhi syarat pengesahan mengikut skim perkhidmatan masing-masing. iii. Pemberian Taraf Berpencen (PTB) Satu hari bulan pada bulan berikutnya selepas Suruhanjaya menerima perakuan lengkap PTB daripada Ketua Jabatan; atau sehari sebelum tarikh persaraan bagi pegawai yang bersara dalam keadaan biasa yang belum diberi taraf berpencen; atau Sehari sebelum tarikh kematian bagi pegawai (gemulah) yang meninggal dunia sebelum diberi taraf berpencen tertakluk kepada Seksyen 8(b) Akta Pencen 1980. <p>Berdasarkan perkara (i),(ii) dan (iii) di atas, penetapan tarikh PTP, PDP dan PTB adalah tidak terjejas berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, urusan berkenaan hanya diproses oleh Suruhanjaya setelah tamat tempoh penangguhan operasi seperti pemakluman pada portal SPP.</p>
6.	Bilakah tarikh keputusan temu duga AKP Sabah Fasa 2 akan diumumkan?	Keputusan temu duga AKP Fasa 2 Sabah akan diumumkan sebaik sahaja selesai dibentangkan di dalam Mesyuarat Suruhanjaya akan datang memandangkan terdapat perubahan bilangan kekosongan jawatan AKP Fasa 2 untuk permohonan pengisian jawatan AKP bagi baki kuota lantikan baharu tahun 2019.
7.	Adakah sesi urusan pengambilan iaitu sesi temu duga dijalankan seperti biasa sepanjang tempoh PKP?	Selaras dengan saranan kerajaan untuk mengekang penularan COVID-19, SPP tidak akan menjalankan sebarang urusan pengambilan sepanjang tempoh PKP ini. Manapun urusan pengambilan yang melibatkan pelbagai skim akan dilaksanakan apabila keadaan kembali seperti biasa.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
8.	Adakah urusan Pengesahan Pelantikan Tetap (PPT) pegawai lantikan SPP dapat dilaksanakan sepanjang tempoh PKP? .	Sebarang urusan PPT perlu ditangguhkan dalam tempoh PKP kerana pelaksaan kelulusan PPT memerlukan semakan terperinci yang melibatkan pelbagai lapisan. Walau bagaimanapun, perakuan Ketua Jabatan yang dikemukakan kepada SPP melalui eProper mengikut tempoh tempat masa yang ditetapkan masih diterima seperti biasa.
9.	Bagaimana pula dengan urusan yang berkaitan gaji? Adakah ia dijalankan seperti prosedur sedia ada?	Semua urusan berkaitan gaji seperti semakan semula penetapan gaji permulaan akan diproses setelah tempoh PKP tamat.
10.	Adakah tarikh permohonan pengambilan khas guru (Interim) akan dilanjutkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?	Tarikh permohonan Pengambilan Khas Guru (Interim) tidak dilanjutkan dan telah ditutup pada 20 Mac 2020.
11.	Adakah pengambilan khas guru (Interim) hanya melibatkan calon yang mempunyai kelayakan ikhtisas pendidikan?	Pengambilan Khas Guru (Interim) bukan hanya melibatkan calon yang memiliki kelayakan ikhtisas pendidikan. Pengambilan khas ini juga terbuka kepada graduan Universiti Awam yang tidak memiliki ikhtisas pendidikan tertakluk kepada bidang-bidang tertentu berdasarkan keperluan pengisian oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Maklumat lanjut berhubung bidang-bidang keperluan tersebut boleh didapati di laman sesawang rasmi dan semua platform media sosial rasmi SPP.